



NOTIS PEMAKLUMAN

SEMUA PEMILIK PREMIS PERNIAGAAN DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS DAERAH KUALA PILAH

Sebagaimana kandungan Perutusan YAB Perdana Menteri Malaysia berkaitan *pandemic* COVID-19 serta pelaksanaan **Perintah Kawalan Pergerakan** bermula **18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020**, semua premis perniagaan adalah **DIARAHKAN TUTUP** sepanjang tempoh berkenaan **KECUALI** perniagaan yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara atau (*essential services*) seperti di bawah:

<ul style="list-style-type: none">• Air.• Elektrik.• Tenaga.• Telekomunikasi.• Pos.	<ul style="list-style-type: none">• Pengangkutan.• Pengairan.• Minyak.• Gas.• Bahan api.	<ul style="list-style-type: none">• Pelincir.• Penyiaran.• Kewangan.• Perbankan.• Kesihatan.	<ul style="list-style-type: none">• Farmasi.• Bomba.• Penjara.• Pelabuhan.• Keselamatan.
<ul style="list-style-type: none">• Pertahanan.• Pembersihan.• Peruncitan.• Bekalan makanan.• Lapangan Terbang .	<ul style="list-style-type: none">• Bengkel membaiki dan servis kenderaan.• Restoran (kedai makan khas untuk perkhidmatan pandu lalu dan bawa pulang sahaja).		

Perintah larangan tersebut juga meliputi aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya. Semua rumah ibadat dan premis perniagaan hendaklah **DITUTUP**, kecuali pasar raya, pasar awam, kedai runcit dan kedai serbaneka yang menjual barangan keperluan harian serta (*essential services*) yang tertakluk seperti di atas.

Oleh yang demikian, Pentadbiran Majlis Daerah Kuala Pilah juga mengambil keputusan untuk menutup semua aktiviti **Pasar Malam, Pasar Tani, Pasar Mingguan, Pasar Pagi** kecuali premis **makanan/ penjaja dengan syarat menggunakan kaedah tempahan bungkus (take away & drive-thru) dan penghantaran (delivery) sahaja**. Pengusaha dan peniaga adalah diminta mematuhi arahan ini selaras dengan seksyen 72(1)(f) dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Segala pertimbangan atau kerjasama dari semua pihak amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

MOHD FAIZAL BIN ABDUL MANAP
Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Pilah